

USIM rai lebih 3,000 tetamu pada majlis hari raya

MERIAH. Hampir 3,000 tetamu terdiri daripada warga kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan tetamu hadir ke Majlis Hari Raya Aidilfitri USIM anjuran Badan Kebajikan dan Kakitangan (BKK) Dewan Tuanku Canselor USIM di Nilai, Negeri Sembilan

baru-baru ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pihak universiti turut menyampaikan sumbangan sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan-kakitangan yang bertugas semasa Hari Raya Aidilfitri iaitu

dari Jabatan Keselamatan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Abdul Shukor Husin.



MUSA (dua dari kanan) menjamu selera hidangan Nasi Ambeng dengan pengurusan kanan USIM pada Majlis Hari Raya Aidilfitri USIM di Nilai baru-baru ini.